

D464

U B524 DEB
MAHATHIR - KOPERASI

KUALA LUMPUR, 1 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PARA PENIAGA DI NEGARA INI TERUTAMANYA PENIAGA MELAYU MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DENGAN AMANAH BUKAN SAHAJA UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI TETAPI JUGA UNTUK KEPENTINGAN BANGSA.

BERUCAP KETIKA MERASMIKAN MASYUARAT AGUNG KOPERASI USAHA BERSATU MALAYSIA (KUB) BERHAD DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA SELURUH DUNIA AKAN MEMERHATIKAN SEGALA TINDAK-TANDUK MEREKA DAN INI AKAN MENINGGALKAN KESAN YANG BESAR PADA MASA AKAN DATANG.

+APABILA KITA TERKENAL SEBAGAI BANGSA YANG AMANAH, KEHIDUPAN KITA AKAN BERTAMBAH BAIK DAN INI MEMUDAHKAN KITA MEMINJAM DAN MUNGKIN BANK TIDAK MEMINTA APA-APA CAGARAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

TERDAPAT GOLONGAN PENIAGA YANG MERUNGUT APABILA BANK MEMINTA PELBAGAI CAGARAN SEMASA MEREKA HENDAK MEMINJAM DAN INI SEMUA TERJADI KERANA BEBERAPA ORANG YANG TERDAHULU MENGAMBIL MUDAH BAYARAN PINJAMAN BANK MEREKA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUDUKAN UNTUNG-RUGI SESUATU PERNIAGAAN ITU BUKAN SAHAJA MEMBERI KESAN KEPADA PERNIAGAAN ITU SENDIRI TETAPI KEPADA SELURUH BANGSA. - LAGI.
1309MST 01 03 87

U B525 DEB
MAHATHIR - KOPERASI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBIDAS GOLONGAN PELAJAR YANG ENGGAN MEMBAYAR BALIK PINJAMAN PELAJARAN MEREKA WALAUPUN SUDAH MENDAPAT PEKERJAAN DENGAN GAJI YANG LUMAYAN.

+BAYARAN BALIK PINJAMAN ITU HANYA 10 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN GAJI MEREKA DAN SIKAP TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU AKAN MEMBERI MASALAH KEPADA MEREKA YANG MEMOHON KEMUDIAN KELAK,+ KATANYA.

SAMBIL BERSELOROH BELIAU BERKATA, ADA JUGA PENIAGA MELAYU YANG CUAJ MENJALANKAN PERNIAGAAN WALAUPUN MEREKA MENGGUNAKAN MODAL DARI PINJAMAN MARA KERANA +PINJAMAN MARA TIDAK PERLU DIBAYAR+.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DALAM APA-APA PERNIAGAAN, HANYA PENGURUSAN YANG CEKAP, AMANAH DAN JUJUR SAHAJA DAPAT MENJAMIN KEJAYAANNYA.

BELIAU BERKATA, KEGIATAN MENGUMPUL WANG BUKAN ANGGOTA DALAM KEGIATAN KOPERASI BUKANLAH KEGIATAN YANG TIDAK BAIK TETAPI MASALAH TIMBUL APABILA PIHAK PENGURUSAN KOPERASI BERKENAAN TIDAK JUJUR DAN AMANAH DALAM MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA. - LAGI.

1317MST 01 03 87

U B526-DEB
MAHATHIR - KOPERASI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, PEMBUKTIAN PENYELEWENGAN BEBERAPA PENGARAH KOPERASI SEKARANG BERKAIT RAPAT DENGAN KEADAAN KEMELESATAN EKONOMI YANG BOLEH DIANDAIKAN SEPERTI PASANG SURUT AIR SUNGAI.

+SEMASA AIR TINGGI, IA KELIHATAN JERNIH UNTUK DIMINUM DAN PERJALANAN AIRNYA LANCAR, TETAPI APABILA AIR SURUT, MAKA NAMPAKLAH SEGALA SAMPAH SARAP DAN SEGALA MACAM BENDA YANG TERLEKAT DI DASARNYA DAN PADA KETIKA ITULAH KITA SEDAR YANG AIR ITU KOTOR, + KATANYA.

MENURUTNYA, +KEKOTORAN+ DALAM KOPERASI DAPAT DILIHAT DENGAN JELAS SEMASA EKONOMI MEROSOT SEKARANG, BEBERAPA PENGARAH KOPERASI MELAKUKAN PENYELEWENGAN DENGAN MENYALAHGUNAKAN WANG ORANG RAMAI DALAM KOPERASI BERKENAAN DAN KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL UNDANG-UNDANG TERHADAP MEREKA.

+BAGAIMANAPUN, SAYA BERSYUKUR KERANA KERAJAAN TIDAK MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN KEPADA KUB SEPERTI BEBERAPA KOPERASI LAIN, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN DISAMBUK GELAK KETAWA PARA HADIRIN.

BELIAU BERKATA, BEBERAPA AHLI PERNIAGAAN MEMILIH KEGIATAN KOPERASI KERANA ADANYA INSENTIF SEPERTI PENGECEUALIAN CUKAI SEBANYAK 40 PERATUS YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN WALAUPUN KEGIATAN KOPERASI TIDAK BANYAK BEZANYA DENGAN PERNIAGAAN GERGASI LAINNYA. - LAGI.
1320MST 01 03 87

D468

U B527 DEB
MAHATHIR - KOPERASI 4 KUALA LUMPUR

ANGGOTA PENGARAH DAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PENGURUSAN KOPERASI PERLU INGAT BAHAWA PERJALANAN KOPERASI SAMA SAHAJA DENGAN PERNIAGAAN LAIN YANG MENUNTUT SIKAP-SIKAP JUJUR, AMANAH DAN MEREKA MESTI MEMIKIRKAN KEPENTINGAN KOPERASI DAN BUKAN HANYA KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

MENGENAI KUB, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDIA MEMBANTUNYA DENGAN APA CARA JUGA TETAPI IA MESTILAH MENGUKUR SEGALA BANTUAN DENGAN PRESTASI PERNIAGAANNYA SENDIRI.

BELIAU BERKATA, LEMBAGA PENGARAH KUB MESTILAH MENGAJAI MENGAPAKAH MEREKA MENGALAMI KERUGIAN, JIKA RUGI, DAN MENIMBANG APAKAH KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI SUDAH MENCUKUPI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA LEMBAGA PENGARAH KUB MENGAMBIL SEGALA PELUANG YANG ADA SEKARANG UNTUK MENINGKATKAN KEUNTUNGAN MEREKA.

PENGERUSI KUB, DATUK HARUN HAJI IDRIS, MENTERI PERTAHANAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI ADALAH ANTARA MEREKA YANG MENGHADIRI MAJLIS ITU.

-- BERNAMA
1322MST 01 03 87